

24 FEB 2003

NAM: DR MAHATHIR RAI PEMIMPIN NAM PADA MAJLIS MAKAN MALAM

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meraikan ketua-ketua kerajaan, negara dan delegasi yang menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 pada majlis makan malam di sini.

Antara yang hadir ialah Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki yang juga bekas pengerusi pergerakan itu selain Presiden Cuba Fidel Castro yang akan mengambil alih jawatan pengerusi selepas tempoh penggal Malaysia berakhir dalam masa tiga tahun.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan pasangan pemimpin-pemimpin itu juga turut hadir.

Para pemimpin itu tiba di Palace of the Golden Horses, iaitu venue bagi majlis makan malam dengan kawalan keselamatan yang ketat.

Siang tadi, Dr Mahathir, yang juga pengerusi baru NAM, mempengerusikan mesyuarat para pemimpin pergerakan berkenaan.

Sidang kemuncak NAM berakhir esok dengan para pemimpinnya akan mengeluarkan Dokumen Akhir berkaitan isu-isu yang memberikan kesan terhadap negara-negara anggota dan Deklarasi KL yang menyenaraikan strategi untuk menyuburkan semula pergerakan itu yang kini mempunyai 116 anggota.

Pernyataan iaitu masing-masing mengenai Iraq dan Palestin akan turut dikeluarkan pada akhir sidang kemuncak yang diadakan tiga tahun sekali.

-- BERNAMA

JS MFJ ROS